

27 APR 1997

Razaleigh - Umno

BEKAS ANGGOTA S46 DIMINTA BERSABAR MENANTI KEPASTIAN KEAHLIAN UMNO

BATU GAJAH, 27 April (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah hari ini meminta bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang memohon untuk menyertai Umno supaya bersabar untuk mendapatkan kepastian mengenai kedudukan keahlian mereka.

Katanya, beliau sendiri baru minggu ini mendapat pengesahan mengenai penerimaan beliau sebagai ahli Umno cawangan Bandar Hilir Gua Musang daripada ibu pejabat Umno, walaupun beliau telah diterima masuk sebagai ahli Umno sejak 9 Okt lepas.

"Kelewatan pengesahan itu berkemungkinan berikutan banyak masalah teknikal yang perlu diselesaikan oleh Umno dalam menetapkan bekas anggota S46 kepada cawangan-cawangan Umno yang ada, terutama di Kelantan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak Ketua Umno Bahagian Batu Gajah, Haji Yusof Kassim di Tanjung Tualang dekat sini.

Turut hadir pada majlis perkahwinan antara Ahmad Kamal Yusof dan Norasmariah Basir ialah Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar dan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Tengku Razaleigh berkata selain itu terdapat masalah menubuhkan cawangan baru berikutan keputusan Majlis Tertinggi bahawa mereka tidak boleh meneruskan keahlian sebagai anggota Umno dalam cawangan baru dan perlu ditempatkan semula di cawangan yang sedia ada dan kerana ini mereka terpaksa menunggu.

"Mereka kena tunggu dan tidak patut risau kerana perjanjian telah dimeterai antara saya dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setelah dipersetujui oleh Majlis Tertinggi," katanya.

Ditanya sama ada tindakan sesetengah cawangan Umno melewatkan permohonan bekas anggota Semangat 46 sebagai sabotaj, katanya beliau tidak tahu apa yang berlaku pada peringkat bawahan tetapi beliau tetap berpegang kepada persetujuan yang dimeterai.

Beliau berkata dalam Perlembagaan Umno hanya Majlis Tertinggi bertanggungjawab meluluskan permohonan bekas anggota parti pembangkang untuk menyertai parti itu.

Pihaknya pada tahun lepas telah menghantar 200,000 borang permohonan kepada ibu pejabat Umno. Selain itu ada juga permohonan terus melalui bahagian dan cawangan, katanya.

Beliau tidak dapat memberikan jumlah permohonan bekas anggota S46 yang diluluskan oleh Majlis Tertinggi.

Bagaimanapun beliau berkata, jumlah permohonan yang diluluskan adalah tinggi dan hanya antara 30 dan 40 peratus daripadanya menghadapi masalah pertindihan maklumat serta kurang tepat.

Tengku Razaleigh berkata beliau tidak akan campur tangan mengenai isu itu dan menyerahkan kepada parti untuk menyelesaikannya. -- BERNAMA

HK PR